

MAHATHIR NAFI CABAR MUSA

PULAU PINANG 3 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan bahawa dia mencabar Datuk Musa Hitam supaya bersumpah dengan menjunjung Al-Quran dalam masjid untuk membuktikan kebenaran semua tuduhan terhadapnya yang terkandung dalam rakaman pita video 'Amanat Musa Untuk Pengundi' dalam pilihanraya kecil Parlimen Johor Baharu.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri yang berani bersumpah dengan menjunjung Al-Quran dalam masjid untuk membuktikan bahawa kisah-kisah yang diceritakannya di majlis ramah mesra pekerja pilihanraya kecil Barisan Nasional di Saujana,

Oleh
Mat Piah Teh Deris dan Khalid Nor Shah

UM - 4 SEP 1988

Johor Baharu pada 22 Ogos lalu, adalah benar.

"Saya tidak mencabar Datuk Musa. Itu suratkhbar yang kata. Saya kata, saya yang berani bersumpah. Kalau Datuk Musa hendak bersumpah itu adalah haknya. Dulupun dia telah bersumpah dalam kabinet untuk tidak membocorkan rahsia," katanya ketika menjawab soalan pemberita di sini petang ini.

Beliau yang ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur diminta mengulas laporan akhbar yang menyatakan Datuk Musa akan pulang dari London untuk menyahut cabaran Datuk Sri Dr. Mahathir itu minggu depan.

Menurut laporan itu, Datuk Musa akan memendekkan lawatannya di London dan akan pulang ke

tanahair untuk menyahut cabaran bersumpah itu untuk membuktikan kebenaran kandungan rakaman pita videonya baru-baru ini dan sedang menguruskan tarikh dan masjid di mana beliau akan menunaikan sumpah itu.

Perdana Menteri berada di sini petang ini untuk menghadiri satu perjumpaan tertutup dengan ketua-ketua dan pemimpin UMNO negeri dan pemimpin Barisan Nasional negeri di Dewan Tunku Abdul Rahman, KOMTAR selepas merasmikan perhimpunan SEMARAK di Empangan Mengkuang, Bukit Mer-tajam pagi ini.

Sementara itu, ketika berucap di perhimpunan SEMARAK di Empangan Mengkuang dekat sini, Datuk Sri Dr. Mahathir menyarankan supaya diwujudkan satu barisan yang kukuh antara rakyat dan pemimpin di samping menolak perasaan iri hati yang tidak mendatangkan faedah demi bagi kemajuan negara.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri mendakwa bahawa ada orang-orang akan membangkitkan perasaan iri hati di kalangan rakyat negara ini bagi kepentingan diri mereka semata-mata.

Ini, tambah beliau, kerana pada mereka kalau satu pihak itu benci kepada pihak yang lain maka ia memberi peluang kepada mereka untuk mendapat sokongan daripada pihak yang membenci tadi.

Beliau menegaskan adalah jelas bahawa di negara ini sama seperti di negara-negara lain tidak perlu berasa iri hati yang tidak mendatangkan faedah.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang disertai oleh isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah kemudian telah menyiapkan dan mengisytiharkan "Taman SEMARAK" di situ dan merasmikan pesta sukan air yang diadakan sempena perhimpunan itu sebelum menaiki feri ke Pulau Pinang.

Turut hadir Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat selaku pengerusi jawatankuasa induk SEMARAK kebangsaan, Menteri Pen-

LIHAT MUKA 11

MAHATHIR NAHI CABAR MUSA

UM - 1 SEP 1988

didikan Haji Anwar Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Kasitah Gadam, Menteri - Menteri Besar dan Ketua Menteri serta Timbalan - Timbalan Menteri.

Perdana Menteri menegaskan, sejak merdeka kerajaan berusaha sepanjang masa untuk menentukan bahawa dalam negara ini terdapat keamanan bukan untuk menyenangkan kerajaan tetapi rakyat juga perlu kepada keamanan kerana ia baik untuk rakyat.

Bagaimanapun, beliau mengakui memang benar dalam keadaan negara yang aman kerajaan tidak perlu memeras otak untuk mencari jalan mengatasi keadaan dan masalah, tidak perlu bekerja kuat dan tidak perlu merasa bimbang.

"Kita perlu kepada keamanan kerana ini adalah baik untuk rakyat," ujar Perdana Menteri.

Beliau menampan, dalam keadaan aman perniagaan dan perusahaan dapat diadakan bukan saja menguntungkan mereka yang terlibat tetapi juga memberi peluang - peluang pekerjaan kepada rakyat yang menganggur.

Katanya, sedikit demi sedikit kalau keamanan ini dapat diteruskan maka sudah tentu pendapatan

rakyat juga akan meningkat lagi dan akhirnya kita dapat menjalankan Malaysia sebuah negara yang maju seperti negara lain yang telah maju, hidup mewah dan senang - senang.

Perdana Menteri menekankan, inilah yang cuba dibuat oleh kerajaan tetapi ia bukan datang begitu sahaja seperti dicapai oleh negara - negara lain

yang maju dengan usaha mereka untuk membangunkan negara dalam keadaan yang aman.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa rakyat negara ini harus bersyukur kepada Tuhan kerana telah melihat hasil daripada dasar - dasar kerajaan yang tidak bertujuan untuk menganiaya sesiapa.